

KANDUNGAN LIPUTAN HARIAN BULAN DISEMBER 2022

BIL.	TARIKH	TAJUK BERITA	MEDIA	MUKA SURAT
1.	07.12.2022	Dua Bekas Pegawai Kanan Pos Malaysia	Sinar Harian	2
2.	07.12.2022	Projek Diteliti Semula – Isu Projek Tebatan Banjir RM 7 Bilion	Harian Metro	3
3.	07.12.2022	RM7 Bilion Flood Mitigation Allocation Under Review	The Sun	4
4.	07.12.2022	Former Pos Malaysia Senior Officers Charged With Corruption	The Sun	
5.	07.12.2022	Terima Habuan Rumah RM1 Juta – Susulan Kartel Projek	Harian Metro	5
6.	08.12.2022	Apex Court Dismisses Najib’s Appeal To Disqualify Sri Ram From handling Audit Tampering Trial	The Edge CEO Morning Brief	6
7.	09.12.2022	MACC Seeks Information On RM600 Bil Public Funds Misuse Allegations	The Edge CEO Morning Brief	7
8.	10.12.2022	SPRM Fokus Siasat Dana RM92.5B – Dakwaan Selewang RM600 Bilion	Harian Metro	8
9.	23.12.2022	Tiga Mengaku Salah, Dua Mahu Dibicara – Rasuah Babit Kerja Pengurusan Jenazah	Harian Metro	9
10.	23.12.2022	Tiga Staf Hospital Dijel, Denda Dagangkan Jenazah Islam	Kosmo	10
11.	30.12.2022	MACC Probing Shares Disposal In KL Tower Management Concession Company	The Edge CEO Morning Brief	11

7 DISEMBER 2022 | WEDNESDAY | SINAR HARIAN | MUKA SURAT : 15

Dua bekas pegawai kanan Pos Malaysia didakwa terima rasuah

SHAH ALAM - Dua bekas pegawai kanan Pos Malaysia Bhd masing-masing mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Selasa atas lima pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM26,000 bagi membantu mempercepatkan bayaran kepada sebuah syarikat, dua tahun lepas.

Bekas Ketua Pengurusan Kontrak dan Armada, Abdul Hadi Aziz Wong dan bekas Penolong Pengurus Operasi, Ruslin Sapari membuat pengakuan tersebut selepas pertuduhan terhadap mereka dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Rozilah Salleh.

Abdul Hadi, 48, dan Ruslin, 54, yang bertugas di Bahagian Pengurusan Kenderaan Pos Malaysia, masing-masing didakwa dengan tiga dan dua pertuduhan secara rasuah menerima suapan untuk diri mereka iaitu wang berjumlah RM16,000 serta RM10,000 melalui pindahan dalam talian ke akaun bank milik kedua-dua lelaki itu daripada syarikat OnxOn Logistik Sdn Bhd sebagai upah

melakukan perbuatan tersebut.

Suapan itu bagi membantu mempercepatkan bayaran Pos Malaysia kepada syarikat OnxOn Logistik bagi kerja-kerja *Outsourcing Linehaul* dan *Shuttle Services* di Sabah dan Sarawak.

Mereka didakwa melakukan perbuatan tersebut di dua cawangan bank iaitu di USJ Subang Jaya dan Ara Damansara dekat sini antara 11 Jun dan 23 Julai 2020.

Pertuduhan mengikut Seksyen 16(a) (A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24 akta sama.

Seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan yang menjadi hal perka kesalahan itu jika suapan itu dapat dinilai atau berbentuk wang atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Irwan Shah Abdul Samat

mencadangkan jaminan RM8,000 kepada Abdul Hadi dan RM5,000 bagi Ruslan bersama seorang penjamin selain syarat tambahan kedua-dua tertuduh perlu menyerahkan pasport kepada mahkamah dan melaporkan diri di pejabat SPRM terdekat sebulan sekali.

Bagaimanapun, peguam Irzan Iswatt Mohd Noor mewakili Abdul Hadi dan peguam Najiah Zaimah Aris mewakili Ruslin masing-masing memohon jaminan RM5,000 dengan alasan anak-anak guam mereka adalah penanggung utama keluarga selain memberi kerjasama baik dengan pihak SPRM sepanjang siasatan kes-kes tersebut.

Rozilah menetapkan jaminan RM7,000 kepada Abdul Hadi dan Ruslan sebanyak RM5,000 serta seorang penjamin selain membenarkan syarat tambahan yang diminta pihak pendakwaan.

Mahkamah kemudian menetapkan 13 Januari tahun depan untuk sebutan semula kes. - *Bernama*

ISU PROJEK TEBATAN BANJIR RM7 BILION

Projek diteliti semula

Putrajaya

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan kelulusan mutakhir projek tebatan banjir berjumlah RM7 bilion daripada keseluruhan peruntukan sebanyak RM15 bilion yang dilaksanakan melalui rundingan terus tanpa proses tender supaya diteliti semula.

Beliau berkata, kelulusan peruntukan itu tidak akan diteruskan dan diteliti semula supaya ada prinsip ketelusan dan mematuhi peraturan yang ditetapkan.

"Jumlah ini bukan kecil...atas alasan umpamanya membantu menyegerakan langkah tebatan banjir, tetapi ada masalah apabila peraturan tidak dipatuhi dan ada upaya mencari kesempatan.

"Ini amat dikesalkan dan saya berterima kasih kerana pegawai kanan Kementerian (Kewangan) bersama dan tidak selari dengan maksud ini,



ANWAR ketika sidang media di Kementerian Kewangan.

tetapi pada ketika itu (hanya) mengikut arahan," katanya selepas menghadiri sesi taklimat sejourus memulakan tugas secara rasmi sebagai Menteri Kewangan di Kementerian Kewangan di sini.

Sementara itu, Anwar berkata, beliau sudah mendingar taklimat daripada pegawai kanan MOF berhubung beberapa isu yang

menjadi keutamaan menjelang persidangan Parlimen yang dijadualkan pada 19 dan 20 Disember depan.

"Ada usul mengenai peruntukan gaji dan beberapa peruntukan kelulusan kewangan yang mendesak. Jika tidak, gaji tidak boleh dibayar pada Januari.

"Belanjawan akan dibahaskan pada sesi Parlimen

tahun depan selepas Yang di-Pertuan Agong (Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah) merasmikan sidang Parlimen," katanya.

Anwar berkata, Kerajaan Perpaduan akan memberi tumpuan kepada menyediakan iklim yang segar dan positif untuk menggalakkan pelaburan, memulihkan keyakinan dan memacu pertumbuhan ekonomi negara.

Ditanya mengenai barisan penasihat ekonomi yang akan dilantik oleh beliau untuk menganggotai pasukan yang diketuai Penasihat Petronas Tan Sri Mohd Hassan Marican, Anwar menegaskan perkara itu masih dalam perbincangan.

"Saya perlu berbincang dengan Mohd Hassan, dari segi parameter dan keutamaan serta sudah tentu akan berunding dengan pegawai kanan yang berkaitan di MOF dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan yang baharu," katanya. - Bernama

7 DISEMBER 2022 | WEDNESDAY | THE SUN | PAGE : 2

RM7 billion flood mitigation allocation under review

PUTRAJAYA: Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim ordered a review of RM7 billion worth of approvals under the RM15 billion flood mitigation project, done through direct negotiations instead of tender processes.

He said the government would not proceed with the allocation as approved, and would conduct a review to ensure transparency and that regulations are followed.

"This is not a small amount. (Although there are) reasons given such as expediting flood mitigation,

it becomes a problem when regulations are not observed and efforts are made to exploit the situation.

"This is highly regrettable and I am thankful that senior (finance) ministry officials are united and do not concur with this, but were (only) following instructions," Anwar, who is also finance minister, told a media conference following a briefing at the Finance Ministry yesterday.

Anwar added that he was briefed by senior ministry officials on

several issues to be prioritised in view of the Parliament sitting scheduled for Dec 19 and 20.

"There will be motions for the payment of emoluments as well as several urgent financial allocations. Otherwise, (civil servants') salaries cannot be paid in January.

"The (national) budget will be debated in Parliament next year after the King opens the session."

He said the unity government will focus on providing a fresh and positive climate to encourage investments, restore confidence

and drive the nation's economic growth.

On the line-up of economic advisers to be appointed to the team helmed by Petronas adviser Tan Sri Mohd Hassan Marican, Anwar said the matter is still being discussed.

"I will have to discuss with Mohd Hassan, in term of preference, parameters and priorities, and of course will consult with relevant senior officers in the Finance Ministry and the new Treasury secretary-general." - Bernama

7 DISEMBER 2022 | WEDNESDAY | THE SUN | PAGE : 5

Former Pos Malaysia senior officers charged with corruption

SHAH ALAM: Two former senior officers of Pos Malaysia Bhd pleaded not guilty in the sessions court yesterday to charges of accepting bribes, totalling RM26,000, to expedite payments to a company two years ago.

Former head of contract and fleet management Abdul Hadi Aziz Wong and former assistant manager of operations Ruslin Sapari, both from Pos Malaysia's Vehicle Management

Division, made the plea before judge Rozilah Salleh.

Abdul Hadi, 48, who faces three counts and Ruslin, 54, who faces two counts, were alleged to have received RM16,000 and RM10,000 respectively, via online transfers into their bank accounts from OnxOn Logistik Sdn Bhd as gratification to expedite payments to the company in Sabah and Sarawak.

The duo were charged with

committing the offence at two bank branches in USJ Subang Jaya and Ara Damansara between June 11 and July 23, 2020.

They were charged under Section 16(a)(A) of the Malaysian Anti-Corruption Commission Act, which provides for up to 20 years jail and a fine of not less than five times the amount of gratification, or RM10,000, whichever is higher.

Rozilah allowed Abdul Hadi and

Ruslan bail of RM7,000 and RM5,000 in one surety each respectively, ordered them to surrender their passports and report to the nearest MACC office once a month.

The court set Jan 13 for mention.

DPP Irwan Shah Abdul Samat appeared for the prosecution, while lawyer Irzan Iswatt Mohd Noor represented Abdul Hadi and lawyer Najiah Zaimah Aris represented Ruslin. - Bernama

7 DISEMBER 2022 | RABU | HARIAN METRO | MUKA SURAT : 23

SUSULAN KES KARTEL PROJEK

Terima habuan rumah RM1 juta

Oleh Mohd Jamilul
Anbia M Denin
anbia@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Deretan kes kartel projek sejak awal tahun ini tidak hanya membabitkan golongan 'ikan bilis' berikutan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) turut menahan pegawai berpangkat kanan sektor awam serta pegawai penguat kuasa yang menerima habuan rumah bernilai RM1 juta, wang selain pakej melancong ke Eropah.

Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Datuk Tan Kang Sai berkata, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, negara digemparkan dengan banyak kes berprofil tinggi termasuk kes berkaitan kartel projek melibatkan nilai jutaan ringgit.

Menurutnya, kes berkenaan menarik perhatian ramai pihak kerana individu yang terbabit dalam isu itu bukan setakat kakitangan peringkat bawahan, malah turut membabitkan pegawai berpangkat kanan di sektor awam serta pegawai penguat kuasa yang menerima suapan berbentuk wang tunai dan barangan bernilai.

"Sebagai contoh pada Oktober lalu, SPRM menahan 11 individu termasuk anggota polis dan penjawat awam kerana disyaki terbabit sindiket pengurangan saman trafik sejak 2016 sehingga kini. Ia membabitkan transaksi wang lebih RM5 juta.

"Seterusnya pada Septem-



Sebagai contoh pada Oktober lalu, SPRM menahan 11 individu termasuk anggota polis dan penjawat awam kerana disyaki terbabit sindiket pengurangan saman trafik sejak 2016 sehingga kini. Ia membabitkan transaksi wang lebih RM5 juta."

Tan Kang Sai

ber. SPRM menyerbu pejabat Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) bagi menjalankan siasatan berkaitan kes projek tebatan banjir mega bernilai ratusan juta ringgit.

"Susulan serbuan itu, lapan individu iaitu tujuh pegawai MBSA dan seorang kontraktor direman untuk membantu siasatan kes. Jika

diimbau kembali kes berkaitan yang pernah disiasat SPRM, isu sedemikian didapati sudah lama wujud," katanya.

Bellau berkata, modus operandi penyelewengan yang menyebabkan ketirisan dana kerajaan dilakukan secara segerombolan dalam kelulusan kontrak projek kerajaan.

"Pada 23 Julai tahun lalu, dua bekas Yang Dipertua (YDP) Majlis Perbandaran di Selangor direman enam hari kerana disyaki menerima rasuah daripada kontraktor projek dan pemaju perumahan di kawasan masing-masing.

"Turut direman seorang kontraktor kerana dipercayai memberi rasuah bagi membolot projek ditawarkan di dua majlis perbandaran diketuai dua YDP berkenaan dianggarkan mencecah jutaan ringgit sejak beberapa tahun lalu. Melihat fakta kes, bagi setiap projek diperolehi, kedua-dua bekas YDP terbabit menerima habuan rasuah lima peratus daripada nilai projek," katanya.

Selain itu, menurutnya, dua bekas YDP terbabit turut menerima pelbagai bentuk suapan rasuah termasuk sebuah rumah bernilai RM1 juta, wang tunai RM500,000 dan pakej pelancongan ke Eropah bagi meluluskan kebenaran merancang dan pembangunan milik syarikat pemaju perumahan.

"Ini bermakna, tidak cukup dengan suapan diterima, malah, semakin tinggi nilai projek, semakin besar habuan yang mereka terima.

"Susulan penahanan itu,

dua lagi individu terdiri daripada seorang pegawai daerah dan seorang juru ukur bahan turut direman bagi membantu siasatan kes sama.

"Mereka dipercayai bersekongkol bersama syarikat kontraktor yang juga sindiket kartel projek bagi membolot projek bernilai puluhan juta ringgit di sekurang-kurangnya empat daerah di Selangor sejak 2012 lagi.

Fakta kes menunjukkan pegawai daerah di Selangor itu dipercayai menerima suapan dengan anggaran melebihi RM100,000 dalam pelbagai bentuk seperti wang tunai, pengubahsuaian rumah, deposit kereta dan bayaran perubatan sebagai balasan membantu syarikat milik kontraktor terbabit mendapatkan kerja pembersihan kawasan, penyelenggaraan dan lain-lain kerja secara sebut harga dan tender di sekitar Selangor," katanya.

Manakala juru ukur bahan yang turut ditahan dipercayai menerima suapan kewangan dan barangan sebagai dorongan membocorkan maklumat berkaitan tender kepada kontraktor bagi kerja pembersihan kawasan dan penyelenggaraan di Selangor.

"Oleh itu, SPRM menyambut baik ketegasan kerajaan baharu di bawah pimpinan Perdana Menteri ke-10 Datuk Seri Anwar Ibrahim yang tidak mengizinkan berlaku ketirisan dan rasuah dalam setiap urusan pentadbiran.

"Ini termasuk soal peraturan dan kelulusan perolehan tanpa tender yang tidak lagi dibenarkan," katanya.

Apex court dismisses Najib's appeal to disqualify Sri Ram from handling audit tampering trial

PUTRAJAYA (Dec 7): The Federal Court had on Wednesday (Dec 7) dismissed Datuk Seri Najib Razak's appeal to disqualify senior Deputy Public Prosecutor Datuk Seri Gopal Sri Ram from prosecuting him in the 1Malaysia Development Bhd (1MDB) audit trials.

This decision — unanimously arrived at by a three-member bench — means High Court judge Mohamed Zaini Mazlan won't be stopped from delivering his decision on Jan 30 next year on whether to call Najib to enter his defence or acquit him with regard to the 1MDB audit tampering charge.

Najib is facing an abuse of power charge in the case, while former 1MDB president Arul Kanda Kandasamy has been charged with abetting him, in ordering the final audit report prepared by the National Audit Department for the Public Accounts Committee in 2016 to be altered.

Najib's application to disqualify Sri Ram follows former Attorney-General Tan Sri Mohamed Apandi Ali's Facebook posting in 2020, which alleged that Sri Ram had approached him in January 2018 while he was AG, to ask him to arrest Najib.

This led to Najib filing the application to remove Sri Ram, as his defence — led by Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah — contended that Sri Ram, as a former Federal Court judge who should know better, was acting in a real danger of bias when prosecuting him in the case.

Sri Ram, who appeared for the prosecution along with deputy public prosecutors Ahmad Akram Gharib, Mustafa P Kunyalam and S Deepa, argued that the appeal should be dismissed as it is academic, when the High Court is already prepared to deliver its decision on Jan 30.

Federal Court judge Datuk Vernon Ong Lam Kiat, who delivered the ruling late on Wednesday afternoon, said there was no error of law which warrants an appellate intervention.


"The decision of the High Court and the Court of Appeal is affirmed and the appeal (by Najib) is dismissed," he said.

Sitting with Ong were Federal Court judges Datuk Zabariah Mohd Yusof and Datuk Seri Hasnah Mohamed Hashim.

According to the Federal Court in its 15-minute oral judgement, there is no evidence to show that Sri Ram participated in the investigation process and carried out

BY HAFIZ YATIM
theedgemarkets.com

This decision — unanimously arrived at by a three-member bench — means High Court judge Mohamed Zaini Mazlan won't be stopped from delivering his decision on Jan 30 next year on whether to call Najib to enter his defence or acquit him with regard to the 1MDB audit tampering charge.



Datuk Seri
Gopal Sri Ram

investigations in cases involving 1MDB — a point which both the High Court and the Court of Appeal (COA) agreed on.

The Federal Court also agreed with both lower courts that there is no evidence of real danger of bias on the part of Sri Ram being appointed as a senior DPP in the case. "We (the bench) are of the view that the bias and non-objectivity (of Sri Ram) had not been made out in this appeal," Ong said.

As to the facts and circumstances regarding the affidavits filed by Apandi to support Najib's application, and the ones filed by Sri Ram, the High Court and COA were entitled to accept the version given by Sri Ram, the apex court ruled.

The apex court also ruled that any criminal court has the inherent jurisdiction to disqualify a lawyer or a DPP from hearing the case.

In September last year, a three-member COA bench led by appellate judge Datuk Yaacob Md Sam upheld the High Court's decision and dismissed Najib's appeal to disqualify Sri Ram from his role as senior DPP in the 1MDB audit trial.

The main grounds of Najib's application was based on Apandi's claims about his meeting with Sri Ram at the former AG's house in January 2018, and his allegation that Tun Dr Mahathir Mohamad had asked Sri Ram to persuade him to arrest Najib.

In the affidavits filed in support of Najib's application, Apandi asserted that the former judge had a "clear mission of bias" against Najib.

The application was made before High Court judge Mohamed Zaini Mazlan, who presides over the 1MDB audit tampering case, though Shafee had indicated that its outcome should apply to three other Najib cases.

The three are: the 1MDB-Tanore trial in which Najib has been charged with four counts of abuse of power and 21 counts of money laundering involving RM2.28 billion of 1MDB funds; the US\$6.6 billion criminal breach of trust case involving the arbitration deal with International Petroleum Investment Company; and the RM27 million SRC International money-laundering case, in which Najib has already been convicted and sentenced to spend 12 years in jail and fined RM210 million.

Zaini, in dismissing Najib's application in February last year, said the former premier's claim that Sri Ram was biased against him was "without basis and misplaced".

"Datuk Seri Gopal Sri Ram, like any other person, is entitled to have his personal opinion. It remains just that. It would be a different consideration if he had demonstrated his bias when carrying out his duty as a senior public prosecutor. His personal opinion cannot be taken to mean that he would impinge on his duties as a senior public prosecutor," the judge said.

Read also: 1MDB-Tanore trial vacated as lawyers tied up with another Najib-related appeal

The Edge CEO Morning Brief | 9 December 2022 | Page 2

HOME

KUALA LUMPUR (Dec 8): The Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) has called on relevant parties to submit information pertaining to allegations of irregularities in the use of RM600 billion worth of public funds by the previous administration under Tan Sri Muhyiddin Yassin.

"If necessary, the MACC may also send officers to collect the information or documents," the agency said in a statement on Thursday (Dec 8).

The MACC also reiterated its chief commissioner Tan Sri Azam Baki's confirmation on Tuesday that the anti-graft body had opened an investigation paper into the allegations.

"The MACC confirms that an investigation paper has been opened regarding the allegations about several parties misappropriating public funds totalling RM600 billion," the agency said, adding that it will conduct the probe in a "detailed, transparent and professional" manner.

On Wednesday, the *New Straits Times* reported that the MACC would summon former prime minister Muhyiddin, as well as former health minister Khairy Jamaluddin and ex-finance minister Tengku Datuk

MACC seeks information on RM600 bil public funds misuse allegations

BY IZZUL IKRAM
theedgemarkets.com

Seri Zafrul Abdul Aziz, to give statements pertaining to the investigation.

It also reported that the RM600 billion was meant for funds during the Covid-19 pandemic and included money for Covid-19 vaccines.

Zafrul says has yet to be called up

Zafrul, who is now part of the new government as the Minister of International Trade and Industry, said on Thursday that the MACC has yet to contact him, but added that he has nothing to hide

and would fully cooperate if called up.

"Earlier, I was asked if I had been called up by the MACC to give a statement on the alleged RM600 billion expenditure issue.

"My answer is simple. [I have] nothing to hide. So far, the MACC has not contacted me. If contacted, I will fully cooperate," he said in a tweet.

This saga began after Malaysia's new prime minister, Datuk Seri Anwar Ibrahim, said that the Ministry of Finance had found a breach of procedure in the handling of RM600 billion of public funds during Muhyiddin's tenure as prime minister.

After being appointed to the helm of the government, as well as appointing himself as finance minister, Anwar has embarked on a quest to review projects and plans approved by the country's prior administrations, in a bid to fulfil his Pakatan Harapan coalition's election manifesto promise to fight corruption.

Muhyiddin, who heads the Perikatan Nasional coalition, served as prime minister from March 2020 to August 2021, but now leads the Opposition after losing out to Anwar in forming a government after the 15th general election ended inconclusively with a hung Parliament.

10 DISEMBER 2022 | SABTU | HARIAN METRO | MUKA SURAT : 21



SPRM sudah menerima butiran maklumat pecahan dana pakej rangsangan ekonomi dibelanjakan kerajaan pada 2020 dan 2021 berkaitan pengurusan Covid-19 daripada Kementerian Kewangan.

DAKWAAN SELEWENG RM600 BILION

SPRM FOKUS SIASAT DANA **RM92.5B**

Oleh Mahaizura
Abd Malik
mahaizura@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memberi tumpuan kepada siasatan RM92.5 bilion daripada nilai dakwaan penyelewengan wang perbelanjaan negara yang dianggarkan hampir RM600 bilion.

Menurut SPRM dalam satu kenyataan, pihaknya menerima butiran maklumat pecahan dana pakej rangsangan ekonomi yang dibelanjakan kerajaan pada 2020 dan 2021 berkaitan pengurusan Covid-19 daripada Ke-



Berdasarkan jumlah itu, RM92.5 bilion membabitkan dana kerajaan manakala RM437.5 bilion lagi bukan daripada kerajaan”

Kenyataan SPRM

menterian Kewangan.

“Hasil siasatan awal mendapati jumlah peruntukan terbabit dianggarkan berjumlah RM530 bilion.

“Berdasarkan jumlah itu, RM92.5 bilion membabitkan

dana kerajaan manakala RM437.5 bilion lagi bukan daripada kerajaan,” katanya.

Justeru, SPRM berkata, siasatan mereka akan terarah kepada dana RM92.5 bilion berkenaan.

“Kementerian Kewangan sedang memperincikan pecahan itu dan akan menyerahkannya kepada SPRM pada minggu hadapan,” katanya.

Sebelum ini, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dilaporkan berkata, pegawai Kementerian Kewangan mengesahkan ada pelanggaran serius berhubung prosedur perbelanjaan hampir RM600 bilion ketika pentadbiran kerajaan diterajui Perdana Menteri kelapan, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Rabu lalu, media melaporkan Muhyiddin, bekas Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz dan bekas Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin dijangka dipanggil memberi keterangan kepada SPRM berhubung dakwaan berlaku salah guna dana RM600 bilion ketika pandemik Covid-19.

Terdahulu, Muhyiddin menegaskan tidak takut di-siasat berhubung laporan polis dibuat beberapa pihak mendakwa beliau menyeleweng dana terbabit.

Ini berikutan ia adalah wang individu dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) serta bank yang bukan di bawah kawalannya.

23 DISEMBER 2022 | JUMAAT | HARIAN METRO | MUKA SURAT : 2

Oleh Mohd Jamil
Anbia Md Denin
anbia@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Seramai tiga individu yang pernah ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana meminta dan menerima suapan berkaitan kerja pengurusan jenazah Mei lalu mengaku salah atas jenayah dilakukan, semalam.

Semua mereka membuat pengakuan itu di Mahkamah Sesyen Jenayah 1, Shah Alam, Selangor di hadapan hakim, Rozilah Saleh.

Sebelum ini, pihak SPRM melakukan operasi Ops jenazah sebelum menahan lima individu yang bertugas di Unit Forensik, Hospital Kajang.

Mereka dikatakan menerima rasuah antara tahun 2019 hingga 2021 melalui akaun bank milik masing-masing sebagai upah memberikan kerja pengurusan jenazah dari Unit Forensik Hospital Kajang kepada individu bernama Nur Azlan Azmi.

Susulan itu semua me-

RASUAH BABIT KERJA PENGURUSAN JENAZAH

Tiga mengaku salah, dua mahu dibicara

reka didakwa mengikut Seksyen 17 (a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan boleh dihukum di bawah 24(1) Akta sama.

Pihak SPRM berkata, pertuduhan terhadap semua individu itu dilakukan pada 8 Disember lalu.

"Tiga tertuduh iaitu pembantu perawatan kesihatan berusia 34, 42 dan 45 tahun bagaimanapun mengaku salah bagi pertuduhan pilihan semalam. Manakala dua lagi individu

iaitu penolong pegawai perubatan mahu meneruskan perbicaraan.

"Susulan itu tiga individu yang mengaku bersalah itu dihukum penjara sehari dan denda RM5,000. Mereka akan dipenjara enam bulan jika gagal melunaskan denda itu," katanya.

Menurutnya, kes perbicaraan dua lagi tertuduh masing-masing berusia 34 tahun akan disambung pada 4 Januari hadapan.

Media sebelum ini me-

laporkan SPRM menahan sekumpulan individu termasuk dua penolong pegawai perubatan kerana disyaki terbit meminta dan menerima suapan bagi urusan berkaitan kerja pengurusan jenazah membitkan suapan berjumlah RM1,000 hingga RM4,000 setiap seorang.

Semua suspek lelaki itu dipercayai meminta dan menerima wang suapan terbit bagi setiap pengurusan jenazah daripada individu tertentu.

Difahamkan, ia sebagai balasan untuk pihak berkenaan terus mendapatkan kerja pengurusan jenazah bagi tempoh 2019 hingga 2021.

“Tiga individu yang mengaku bersalah dihukum penjara sehari dan denda RM5,000 SPRM”



TERTUDUH yang didakwa di Mahkamah Sesyen Shah Alam selepas dikaitkan dengan aktiviti rasuah di bilik mayat hospital.

23 DISEMBER 2022 | JUMAAT | KOSMO | MUKA SURAT : 9

Tiga staf hospital dijel, denda dagangkan jenazah Islam

SHAH ALAM – Perbuatan tiga kakitangan Hospital Kajang terlibat dalam urusan 'memperdagangkan' jenazah Islam membawa padah apabila dipenjarakan sehari dan denda antara RM3,000 hingga RM5,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam.

Hakim Rozilah Salleh menjatuhkan hukuman itu selepas ketiga-tiga mereka iaitu Mohd. Nizam Noordin, 40, Sharum Hassim, 42, dan Muhd. Azhar Nahar, 45, mengaku bersalah atas pertuduhan pilihan dibacakan kepada mereka.

Sekiranya gagal membayar denda, ketiga-tiga mereka yang merupakan Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U11 dan U14 itu diperintahkan menjalani tambahan penjara enam bulan.

Mengikut pertuduhan, ketiga-tiga mereka semasa kejadian bertugas di Unit Forensik, Hospital



KERATAN Kosmo! 8 Oktober 2021.

Kajang telah secara rasuah memperoleh suapan antara RM300 hingga RM600 melalui akaun bank masing-masing daripada seorang lelaki berusia 34 tahun.

Ini bagi memberikan kerja pengurusan jenazah-jenazah dari Unit Forensik Hospital Kajang kepada individu tersebut.

Mohd. Nizam dan Muhd. Azhar masing-masing melakukan perbuatan itu di dua buah



DI MAHKAMAH Shah Alam inilah tiga staf hospital dijatuhkan hukuman jel.

cawangan bank berlainan di Kajang, manakala Sharum di cawangan bank Sungai Petani, Kedah antara 21 Mei hingga 9 Disember 2020.

Kesalahan itu dilakukan mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau ke-

dua-duanya sekali.

Difahamkan ketiga-tiga mereka telah digantung tugas sejak April lalu sehingga kini.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Mohd. Aliff Bin Shahruzman dan kesemua tertuduh diwakili Peguam Mohd. Fikah Sanusi.

Kosmo! pada 8 Oktober tahun lalu melaporkan lima kakitangan jabatan forensik sebuah hospital di Selangor yang ditahan berhubung kes rasuah pengurusan jenazah dipercayai mengaut untung kira-kira RM22,000 dalam tempoh dua tahun sejak tahun 2019.

Petugas kesihatan itu menerima habuan RM300 hingga RM400 bagi setiap jenazah daripada ejen mengikut jenis-jenis kematian.

The Edge CEO Morning Brief | 30 December 2022 | Page 4

KUALA LUMPUR (Dec 29): The Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) is investigating the alleged suspicious disposal of ownership of the company that owns the concession to manage the Kuala Lumpur Tower (KL Tower).

“MACC will investigate whether there was existence of bribery element in the 100% shares disposal by Telekom Malaysia Bhd (TM) in Syarikat Menara KL Sdn Bhd to Hydroshoppe Sdn Bhd in October 2022,” said the anti-graft agency in a statement on Thursday (Dec 29).

So far, MACC has summoned three witnesses and obtained some documents from the parties.

MACC pledged that it will carry out the investigation thoroughly and professionally in relation to this issue.

TM in a filing with Bursa Malaysia on Thursday clarified that its decision to exit the KL Tower concession was part of a business transformation programme to focus its efforts and resources

MACC probing shares disposal in KL Tower management concession company

BY CHESTER TAY
theedgemarkets.com

on strengthening its core business of telecommunications and technology.

TM said the KL Tower is owned by the government, while the operations and maintenance of the tower are granted under a concession.

It was reported on Tuesday (Dec 27) that the Ministry of Communications and Digital was examining the acquisition of the ownership of the management of KL Tower from TM through its wholly owned subsidiary Menara Kuala Lumpur Sdn Bhd (MKLSB) by Hydroshoppe.

TM said that in October 2021 it decided to not renew the KL Tower concession after taking into consideration the change in the business nature of KL Tower — from telecommunications services to tourism and hospitality. TM via MKLSB had undertaken the concession since 1996.

Shares of TM closed 10 sen or 1.85% lower at RM5.30 on Thursday, giving it a market capitalisation of RM20.25 billion.